

LEGITIMASI: KAEDAH PENENTUAN NASAB DAN HAK ANAK TIDAK SAH TARAF MENURUT UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM MALAYSIA

*(Legitimacy: Methods of Determining Paternity and Rights of
Illegitimate Child under Malaysia's Islamic Family Law)*

Noor 'Ashikin Hamid¹
shikin@unisza.edu.my

Noraida Harun²
noraida@unisza.edu.my

Fakulti Undang-undang dan Hubungan Antarabangsa, Universiti Sultan Zainal
Abidin, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.^{1&2}

Pengarang Koresponden (*Corresponding Author*):¹

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Noor 'Ashikin Hamid &
Noraida Harun. (2025). Legitimasi: Kaedah penentuan nasab dan
hak anak tidak sah taraf menurut undang-undang keluarga Islam
Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 97–120.
[https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no5](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no5)

Peroleh: Received:	29/2/2024	Semakan: Revised	30/10/2024	Terima: Accepted:	10/10/2024	Terbit dalam talian: Published online	23/1/2025
-----------------------	-----------	---------------------	------------	----------------------	------------	--	-----------

Abstrak

Legitimasi dalam konteks undang-undang keluarga Islam merujuk status sah atau tidak sah seseorang anak dalam sebuah perkahwinan berdasarkan undang-undang Islam. Legitimasi menentukan nasab anak, sama ada yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan atau luar tempoh perkahwinan. Perkara yang membezakan antara anak tidak sah taraf dengan anak sah taraf ialah kaedah penentuan nasab dan hak yang dimiliki oleh anak sah taraf. Anak tidak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada bapanya walaupun bapa biologinya. Dalam hal ini, anak itu tidak boleh mewarisi harta, mendapat nafkah atau berada di bawah jagaan bapanya. Kesannya, anak ini mungkin berasa terpinggir dan rendah diri. Kajian ini dilakukan untuk meneliti hak yang diperoleh oleh anak tidak sah taraf. Dalam kajian ini, turut dibincangkan kaedah penentuan nasab dan dicadangkan cara untuk menjelaskan hak tersebut. Kajian ini

berbentuk kualitatif melalui kaedah penyelidikan perpustakaan, iaitu bahan yang dianalisis secara kritis. Pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga kaedah utama dalam penentuan nasab, dan anak pula, sama ada yang sah taraf atau yang tidak sah taraf, mempunyai hak yang dilindungi di bawah undang-undang Islam, begitu juga undang-undang keluarga Islam di Malaysia.

Kata kunci: Anak tidak sah taraf, undang-undang Islam, kaedah, hak, cadangan, legitimasi

Abstract

Legitimacy in the context of Islamic family law refers to the legal status of a child within a family based on Islamic law. Legitimacy determines a child's lineage, whether born within or outside of the marriage period. The primary distinction between an illegitimate child and a legitimate child lies in the method of determining paternity and the rights afforded to the latter. An illegitimate child cannot be attributed to his father, even if he is the biological parent. Consequently, such a child is not entitled to inheritance, maintenance, or custody from the father, often leaving the child feeling marginalized and inferior. This study examines the rights afforded to illegitimate children and explores the methods of determining paternity while proposing approaches to clarify these rights. Adopting a qualitative methodology, the research involves library research, where materials related to this topic have been critically analysed. The findings identify three main methods for determining paternity and reveal that, regardless of a child's legitimacy status, they have rights protected under Islamic law, including Malaysia's Islamic family law.

Keywords: Illegitimate child, Islamic law, method, rights, solutions, legitimacy

PENDAHULUAN

Anak tidak sah taraf di Malaysia dikenali dengan pelbagai istilah, seperti anak luar nikah, anak zina, anak haram, dan lain-lain terma yang merendahkan martabat anak tersebut. Menurut Mat Saad Abd. Rahman (2002), dalam konteks Islam, anak tidak sah taraf merujuk anak yang dilahirkan tanpa jalinan perkahwinan yang sah antara ibu dengan bapanya, serta dirinya bukan dilahirkan daripada persetubuhan syubhah (persetubuhan yang dilakukan secara tidak sengaja atau dalam keadaan tersilap).

Mengikut Seksyen 2 Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 (Akta 303), anak tidak sah taraf didefinisikan sebagai anak yang dilahirkan di luar nikah dan tidak terhasil daripada persetubuhan sah (hlm. 10). Persetubuhan syubhah merujuk hubungan kelamin yang dilakukan dengan anggapan bahawa akad nikah tersebut sah, namun pada hakikatnya akad itu batil (fasid), atau hubungan kelamin yang terjadi secara khilaf, serta apa-apa hubungan kelamin yang tidak dikenakan hukuman hudud dalam Islam (Seksyen 2, Akta 303, 2001). Antara contoh persetubuhan syubhah termasuklah kes seorang lelaki berhubungan dengan seorang wanita dalam gelap, dengan kedua-duanya menyangka bahawa pasangannya itu suami atau isterinya, tetapi kemudiannya menyedari bahawa sangkaan itu salah. Selain itu, persetubuhan tidak sah juga berlaku apabila seorang lelaki berhubungan dengan seorang wanita berdasarkan akad yang tidak sah menurut pandangan Syafie, tetapi diterima sebagai sah dalam tafsiran lain. Antaranya termasuklah pernikahan tanpa wali yang diterima dalam pandangan Hanafi, pernikahan tanpa saksi yang dibenarkan dalam pandangan Maliki, dan nikah mutaah yang diterima oleh beberapa pendapat ulama, seperti Ibn Abbas (Muhammad Zuhaili, 2011).

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali ke-57 (Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan) telah membahaskan isu anak tidak sah taraf dan memutuskan bahawa:

- (a) Anak tak sah taraf ialah:
 - i. Anak yang dilahirkan di luar nikah sama ada akibat zina atau rogol dan dia bukan daripada persetubuhan syubhah atau bukan daripada anak perhambaan.
 - ii. Anak dilahirkan kurang dari enam bulan dua *lahzah* (saat) mengikut takwim *kamariah* daripada tarikh *tamkin* (setubuh).
- (b) Anak yang dilahirkan dalam tempoh kurang daripada enam bulan dua saat mengikut kalendar *kamariah*, bermula dari waktu *tamkin* (persetubuhan);
- (c) Anak tidak sah taraf tidak boleh disandarkan nasabnya kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya atau mana-mana individu yang mengaku sebagai bapa. Oleh itu, lelaki berkenaan tidak boleh mewarisi atau mewariskan harta, tidak boleh dianggap sebagai mahram, dan tidak boleh menjadi wali (JAKIM, 2015:206–207).

Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan juga telah mengubah frasa “daripada tarikh akad nikah” kepada “daripada tarikh *tamkin*” (persetubuhan) bagi menyatakan bahawa tempoh enam bulan dua saat itu tidak bermula dari

tempoh ijab qabul, tetapi dari saat kemungkinan berlakunya persetubuhan antara suami dengan isteri (Paizah Ismail, 2013).

Dengan berdasarkan fatwa rasmi yang dikeluarkan oleh negeri Kedah dan Selangor, “anak tidak sah taraf” didefinisikan sebagai:

- (1) Anak yang dilahirkan tanpa nikah, sama ada hasil daripada zina, rogol, atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak.
- (2) Anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua *lahzah* kamariah dari waktu “*imkan ad-dukhul*” dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhat.
- (3) Anak yang dilahirkan lebih daripada enam bulan dua *lahzah* kamariah dari waktu “*imkan ad-dukhul*” selepas akad yang sah, dan ada bukti dari segi syarak bahawa anak tersebut ialah anak tanpa nikah melalui ikrar (pengakuan) mereka berkenaan (suami dan isteri tersebut atau salah seorang daripadanya), atau empat sorang saksi yang memenuhi syarat mengikut hukum syarak (Jabatan Mufti Negeri Selangor, 2005:1).

Anak tidak sah taraf juga merujuk anak yang lahir selepas tempoh empat tahun kamariah dari tarikh pernikahan ibunya ditamatkan disebabkan oleh kematian suami atau perceraian, melainkan jika lelaki itu atau warisnya mengesahkan bahawa anak tersebut ialah anaknya (Seksyen 111 Akta 303, 2001:65).

Dengan berdasarkan peruntukan undang-undang, seseorang anak itu dianggap anak sah taraf jika dilahirkan selepas enam bulan kamariah perkahwinan atau dalam tempoh empat tahun kamariah selepas perceraian ibunya, melainkan bapa tersebut menafikan nasabnya di mahkamah. Sekiranya anak itu dilahirkan di luar tempoh ini, anak tersebut dianggap tidak sah taraf dan tidak boleh dinasabkan kepada bapanya.

Perkara ini dibincangkan dalam kes *Mohd Faizol Zainal lwn Suhaila Yusoff* [2014] 2 *ShLR* 83 apabila Mahkamah Rendah Syariah Kuala Terengganu mendengar permohonan plaintif berkenaan pengesahan nasab bayi perempuan bernama Nur Farisha Abdullah yang dilahirkan oleh defendan pada 5 Mei 2009. Plaintif dan defendan telah berkahwin ketika plaintif memohon supaya anak tersebut dinasabkan kepadanya sebagai bapa. Dalam perbicaraan, kedua-dua pihak mengaku terlibat dalam hubungan luar nikah sehingga defendan mengandung. Pada waktu pernikahan pasangan tersebut pada 8 Januari 2009, usia kandungan defendan hampir lima bulan. Apabila pasangan tersebut ingin mendaftarkan kelahiran anak itu, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) tidak membenarkan penggunaan binti nama plaintif kerana kelahiran anak berlaku kurang daripada enam bulan selepas akad nikah. Anak tersebut kemudian dibintikan dengan

binti Abdullah. Oleh itu, plaintif dan defendan membawa permohonan ke mahkamah untuk menuntut penentuan nasab dan mengesahkan anak tersebut sebagai sah taraf. Hakim bicara menolak permohonan ini kerana tempoh kelahiran tidak memenuhi syarat enam bulan dua *lahzah* selepas pernikahan, seterusnya menyebabkan anak tersebut tidak boleh dibinkan kepada plaintif sebagai bapa menurut Seksyen 113, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2001.

Secara ringkasnya, *anak yang dilahirkan daripada mana-mana pasangan tanpa mempunyai ikatan perkahwinan* dalam Islam dapat dikategorikan kepada tiga jenis. Pertama, anak yang dilahirkan akibat perbuatan rogol. Kedua, anak yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan yang sah, namun kelahirannya berlaku sebelum tempoh enam bulan usia perkahwinan. Ketiga, anak yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan yang sah, tetapi hubungan intim berlaku sebelum pernikahan.

KAJIAN LEPAS

Kajian terdahulu mengenai status *anak yang dilahirkan daripada mana-mana pasangan tanpa adanya ikatan perkahwinan* dalam undang-undang keluarga Islam melibatkan analisis terhadap al-Quran, hadis, teks fiqh dan kajian ilmiah terkini. Istilah anak luar nikah yang juga dikenali sebagai anak zina merujuk anak yang dilahirkan di luar ikatan perkahwinan yang sah menurut syarak. Kitab fiqh biasanya merujuk anak luar nikah sebagai *walad al zina* yang bermaksud anak zina kerana anak ini dilahirkan di luar akad perkahwinan yang sah (Irwan Mohd Subri et al, 2015; Paizah Ismail, 2013; Sa'odah Ahmad & Rojanah Kahar, 2017). Menurut Azizah Mat Rashid et al. (2019), meskipun dipermudah kepada anak luar nikah atau anak tidak sah taraf, istilah ini merujuk anak yang dilahirkan daripada hubungan di luar nikah, sama ada hasil daripada perzinaan atau rogol (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2020) bukannya lahir daripada persetubuhan syubhah (Mariatul Shima Che Embi & Nur Syakiran Akmal Ismail, 2017).

Kaedah penentuan legitimasi telah dibincangkan memenerusi pelbagai kajian. Penentuan status sah taraf anak ini dapat dilakukan melalui beberapa kaedah, seperti melalui *firash* (hubungan intim dalam perkahwinan) (Al-Bakri, 1998; Fatimah Yusro Hashim, 2021; Irwan Mohd Subri et al., 2015; Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya, 2016; Paizah, 2013), ikrar (Abd Ghani et al., 2016; Basri Ibrahim, 1997), dan ujian DNA (Irwan Mohd Subri et al., 2015; Fatimah Yusro

Hashim, 2021; Muhammad Nasir Muhammad, 2005; Tengku Muliana Tengku Muda et al., 2014). *Firash*, iaitu penegasan terhadap hubungan kelamin dalam perkahwinan sebagai asas nasab ialah kaedah yang paling kerap dirujuk.

Dari segi perundangan, anak luar nikah tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologi dan tidak berhak terhadap warisan, perwalian dan perlindungan daripada lelaki tersebut (Hamizah Muhammad et al., 2021; Jamalluddin Hashim & Basri Ibrahim, 2015) kerana hubungan kekeluargaan dianggap terputus (Mariatul Shima Che Embi & Nur Syakiran Akmal Ismail, 2017). Anak ini juga tidak boleh menggunakan nama keluarga bapa dan tiada hubungan mahram dengan bapa biologinya (Ainur Nadhrah Roslan et al., 2021, Paizah Ismail, 2013; Zurina Musa, et al., 2023).

Anak luar nikah sering berhadapan dengan pandangan serong masyarakat, malah diasingkan oleh ahli keluarga (Mohd Al Adib Samuri et al., 2022). Selain itu, Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menetapkan penggunaan “bin” atau “binti Abdullah” bagi anak luar nikah yang menimbulkan stigma masyarakat terhadap status anak tersebut. Polemik ini timbul kerana salah faham tentang peranan JPN dalam penentuan kesahihan anak, yang sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa mahkamah syariah (Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2020). Akibatnya, anak luar nikah sering mengalami diskriminasi sosial kerana sijil kelahiran anak tersebut menjadi tanda tidak sah secara tidak langsung (Nurul Hidayat Ab Rahman & Insyirah Mohamad Noh, 2023).

Walaupun terdapat perbincangan mengenai definisi dan kaedah penentuan status anak luar nikah, kajian mengenai hak golongan ini masih terhad. Oleh itu, pengkaji ini mengemukakan beberapa cadangan untuk memastikan kesejahteraan dan hak anak tidak sah taraf dijaga dan diiktiraf melalui perundangan.

METODOLOGI

Kajian ini merupakan suatu penulisan perundangan tulen yang menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah penulisan perundangan tulen merujuk analisis sistematik dan kritis terhadap prinsip, peraturan dan doktrin undang-undang. Dalam penulisan ini, bahan daripada sumber utama dan tambahan yang berkaitan dengan status dan hak anak luar nikah, termasuklah fatwa, akta, kes mahkamah syariah, buku dan jurnal, dikaji. Walaupun rujukan utama dari sudut perundangan ialah Akta 303, kes yang dirujuk ialah kes yang dibicarakan oleh mahkamah syariah di

negeri di Malaysia. Semua bahan tersebut dianalisis secara mendalam untuk mengenal pasti isu, merumuskan dapatan dan mengusulkan penyelesaian yang selaras dengan prinsip syariah bagi menangani masalah tersebut.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, pengkaji mengupas kaedah penentuan legitimasi seperti yang dibincangkan oleh ulama.

Kaedah Penentuan Legitimasi

Pada dasarnya, ada tiga kaedah utama bagi menentukan legitimasi seseorang, iaitu melalui ikatan perkahwinan, pengakuan dan analisis asid deoksiribonukleik (DNA), serta melalui kaedah *qiyafah* (pengecaman persamaan fizikal oleh pakar).

Legitimasi melalui Perkahwinan Sah dan Anak yang Dilahirkan selepas Enam Bulan Dua Lahzah

Anak yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan yang sah dianggap sebagai anak sah taraf. Anak tersebut mesti lahir selepas tempoh melebihi enam bulan dua saat mengikut kalendar kamariah dari tarikh *tamkin* (persetubuhan), atau dalam tempoh empat tahun kamariah selepas pembubaran perkahwinan, sama ada disebabkan oleh kematian suami atau perceraian. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (t.t.) menjelaskan, anak dikategorikan sebagai tidak sah taraf jika dilahirkan kurang daripada enam bulan dua saat yang bersamaan dengan 180 hari berdasarkan kalendar kamariah dari tarikh *tamkin*. Jika dilahirkan sebelum tempoh 180 hari, bayi itu dikategorikan sebagai anak tidak sah taraf.

Dalam Seksyen 110 Akta 303, diperuntukkan bahawa “Jika seseorang perempuan yang berkahwin dengan seseorang lelaki melahirkan seorang anak lebih daripada enam bulan kamariah daripada tarikh perkahwinannya ..., lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu” (2001:65). Hitungan enam bulan kamariah yang dimaksudkan dalam Akta 303 tersebut merujuk perkiraan dalam sistem kalendar hijrah. Oleh sebab bilangan hari dalam kalendar hijrah tidak tetap, iaitu sama ada 29 hari atau 30 hari, ada perbincangan ulama tentang bilangan keseluruhan hari yang merujuk enam bulan tersebut.

Al-Bujayrimi (1951) menjelaskan bahawa perhitungan bilangan hari dalam bulan Islam adalah sama ada 29 hari atau 30 hari, kecuali dalam tiga

keadaan, iaitu (1) masalah budak perempuan yang *mummayizah* (boleh membezakan darah haid atau bukan, yang ingin dikataegorikan sebagai baligh disebabkan oleh kedatangan haid), (2) masalah kiraan penentuan darah haid dengan darah kotor yang lain, dan (3) masalah kiraan minimum waktu mengandung, iaitu sekurang-kurangnya enam bulan dua *lahzah*. Dalam tiga keadaan ini, kiraan bulan wajib yang dihitung ialah 30 hari.

Al-Bakri (1998) menyatakan bahawa tempoh selesai kandungan, dengan lahirnya kandungan yang sempurna dengan rupa manusia ialah umur enam bulan secara kiraan bulan yang sempurna, iaitu 180 sehari semalam (24 jam) dan dua *lahzah* (saat/perbuatan). Tempoh ini bermula daripada *lahzah* hubungan kelamin suami isteri dan *lahzah* kelahiran. Al-Bakri memutuskan bahawa tempoh pengiraan kesahatarafan anak adalah secara kiraan enam bulan dua *lahzah* (saat/perbuatan) yang bersamaan dengan 180 hari. Hal ini berbeza daripada mazhab Maliki apabila az-Zuhaili (1984) menyatakan bahawa mazhab Maliki menetapkan 175 hari sebagai tempoh minimum kehamilan kerana beberapa bulan dalam kalendar hijrah mengandungi 29 hari bagi sebulan dan kadang-kadang, bilangan 29 hari sebulan ini berturut-turut dalam tempoh tiga bulan. Oleh itu, menurut mazhab tersebut, jumlah hari dalam masa enam bulan ialah 175 hari.

Dalam hal ini, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kelantan mengeluarkan fatwa bahawa tempoh minimum enam bulan dua *lahzah* bagi pengesahan status hubungan keturunan ialah 175 hari. Jawatankuasa Fatwa tersebut bersetuju untuk mengikut pandangan dan kaedah mazhab Maliki dalam isu ini untuk menjaga kemurnian nasab dan keturunan. Di samping itu, keputusan jawatankuasa tersebut turut mempertimbangkan bahawa pandangan ini lebih menjaga kepentingan bayi, serta melindungi maruah dan kehormatan institusi kekeluargaan (Jabatan Mufti Kelantan, 2015).

Fatwa ini dirujuk oleh Mahkamah Syariah Terengganu dalam kes *Nor Zakry Haffiruddin Zakaria lwn Nur Intan Syuhada Shamsuddin* (Kes Rayuan Mal No. : 11500-046-0012-2020). Dalam kes tersebut, perayu memfailkan tuntutan penentuan nasab di Mahkamah Rendah Syariah Daerah Kemaman (MRS). Dengan berdasarkan kiraan, MRS mendapati bahawa anak tersebut dilahirkan lima bulan 28 hari atau 178 hari selepas akad nikah antara perayu dengan responden. Hakim MRS Daerah Kemaman memutuskan bahawa tempoh kelahiran anak tersebut ialah 178 hari 8 jam 6 minit berdasarkan tarikh lahir dan tarikh akad nikah plaintif (perayu) dengan defenden (responden). Tempoh ini kurang daripada tempoh enam bulan (180 hari) dua *lahzah* yang membolehkan nasab seseorang anak disabitkan kepada bapanya mengikut hukum syarak. Hakim MRS Daerah

Kemaman mengisytiharkan Nur Alisha Hazani Abdullah sebagai anak yang tidak sah taraf pada sisi hukum syarak dan undang-undang, serta tidak boleh dinasabkan kepada plaintif (perayu), Nor Zakry Haffiruddin Zakaria, sebagai bapa kandung. Perayu membuat rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu (MTS) dan diputuskan bahawa anak tersebut dilahirkan selepas 178 hari dari tarikh akad nikah antara perayu dengan responden. Bagi tujuan penasaban, hakim MTS Terengganu mengambil pendapat mazhab Maliki, iaitu minimum enam bulan dua *lahzah* bagi penentuan status sah nasab atau 175 hari. Kiraan ini dikira sesuai bagi maksud meraikan kemaslahatan kanak-kanak dan menjaga keaiban, serta maruah institusi kekeluargaan. Hakim berpandangan bahawa isu kemaslahatan ini perlu dipertimbangkan dan kemaslahatan anak tersebut lebih utama untuk dijaga.

Kaedah ini juga terpakai bagi anak syubhah. Dalam perundangan, dinyatakan bahawa anak yang dilahirkan dalam tempoh antara enam bulan kamariah hingga empat tahun kamariah selepas persetubuhan syubhah antara lelaki dengan perempuan dianggap sebagai anak lelaki tersebut (Seksyen 113 Akta 303, 2001). Ulama berpendapat bahawa jika anak itu lahir daripada persetubuhan syubhah, statusnya sama seperti dalam kes nikah fasid, iaitu dinasabkan kepada bapa kandungnya (az-Zuhaili, 1984). Oleh itu, dengan mengambil kira pelbagai pandangan ulama dan penghakiman, sesetengah negeri, seperti Wilayah Persekutuan, bilangan enam bulan dua *lahzah* ialah 180 hari, manakala bagi Terengganu dan Kelantan pula, bilangannya 175 hari.

Legitimasi menerusi Pengakuteraan Anak Sah Taraf (Ikrar)

Ikrar ialah pernyataan nasab yang dilakukan oleh individu itu sendiri, seperti seorang bapa yang mengakui seseorang sebagai anaknya atau seorang anak yang mengakui seseorang sebagai bapanya (Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan, 2016). Ikrar atau pengakuan nasab dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Pertama, ikrar secara langsung daripada bapa tentang nasab anaknya dengan berkata, seperti “anakku” atau anak tersebut mengaku nasab bapanya dengan berkata seperti, “saya anak si pulan”. Apabila seseorang bapa mengakui seseorang itu anaknya, sabitlah nasab anak tersebut kepadanya. Dalam ikrar kedua pula, nasab tidak disabitkan kepada bapa yang membuat pengakuan melainkan setelah diakui oleh pihak lain. Apabila pihak lain mengakui si pulan itu saudaranya, kemudian diakui pula oleh bapa yang membuat pengakuan itu, sabitlah nasab anak tersebut kepada bapa berkenaan (Basri Ibrahim, 1997). Kaedah

ini dinyatakan dalam Seksyen 114 Akta 303 yang memperuntukkan syarat bagi pengakuterimaan anak sah taraf.

Sekiranya syarat ini tidak dipenuhi, pengakuan tersebut dianggap tidak sah pada sisi undang-undang, dan anak itu tidak boleh diiktiraf sebagai anak sah taraf bagi lelaki tersebut. Dalam kes *Wan Azmi lwn Nik Salwani* [1990] 9 JH(2) 192, apabila permohonan nafkah dipohon, bapa sebagai plaintif telah menafikan status anak tersebut, tetapi hakim menyatakan bahawa anak yang dilahirkan selepas tempoh lapan bulan perkahwinan adalah sah taraf kerana tempoh tersebut melebihi enam bulan, serta terdapat bukti persetubuhan antara plaintif dengan defendan.

Legitimasi melalui Analisis Asid Deoksiribonukleik dan Al-Qiyafah

Analisis paterniti bermaksud ujian yang memastikan hubungan antara individu dengan ayah biologinya. Ilmu *qiyafah* merujuk ilmu pembuktian nasab berdasarkan persamaan fizikal antara dua individu, iaitu teknik penentuan keturunan dengan memadankan ciri tubuh badan. Praktik ini dapat dilihat dalam hadis Nabi (Sahih al-Bukhari: t.t) apabila seorang *al-qaif* (pakar *qiyafah*) bernama Mujazziz Al-Mudliji masuk ke rumah Rasulullah, kemudian melihat Zaid bin Haritsah dan Usamah bin Zaid sedang berbaring dengan kepala ditutupi kain, tetapi kakinya terdedah. Mujazziz al-Mudliji kemudiannya menyatakan bahawa ada hubungan kekeluargaan (persamaan fizikal) antara Zaid Haritsah dengan Usamah Zaid setelah menganalisis bentuk kaki kedua-dua orang tersebut. Rasulullah gembira dengan penyataan Mujazziz al-Mudliji, seterusnya menunjukkan bahawa Rasulullah menerima keterangan pakar genetik (Robiatul Adawiyah Mohd et al., 2022).

Kaedah DNA dibolehkan dalam penentuan nasab menurut pandangan Abdul Karim Zaidan (1994) yang menyatakan bahawa nasab anak kepada ibu bapanya dapat ditentukan apabila pakar genetik mengesahkan kewujudan persamaan darah antara kedua-duanya. Pengkaji tersebut menjelaskan bahawa apabila seseorang anak boleh dinasabkan kepada kedua-dua ibu bapanya, hubungannya dibuktikan menerusi diagnosis genetik.

Di Malaysia, pandangan pakar perubatan dan genetik sebagai *qarinah* (bukti) diterima di bawah Seksyen 33 dan Seksyen 34 Akta Keterangan Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 561). Akta ini membolehkan mahkamah menerima pendapat pakar dalam penentuan nasab, seterusnya fakta yang dikemukakan itu akan “mengikat” mahkamah. Namun begitu, ketiadaan peruntukan khusus

yang mewajibkan pihak bertikai mengambil ujian DNA untuk pengesahan nasab di bawah undang-undang keluarga Islam pada masa ini dapat menimbulkan kekeliruan mengenai keturunan (Tengku Fatimah Mulian Tengku Muda et al., 2014). Menurut Mohd Sabree Nasri et al. (2017), penggunaan keterangan pakar, termasuklah yang melibatkan DNA, di mahkamah syariah sangat diperlukan, dan peruntukan yang berkaitan perlu diperincikan dan ditambah baik.

Walau bagaimanapun, dalam sidang Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang berlangsung pada tahun 2002, ditetapkan bahawa penggunaan DNA dibenarkan dengan syarat, iaitu hanya dilaksanakan melalui perintah mahkamah. Hal ini terpakai dalam kes pertikaian mengenai keturunan anak yang disebabkan oleh pelbagai faktor, seperti kes kesilapan atau penukaran bayi di fasiliti perubatan atau institusi penjagaan, serta kes bayi persenyawaan luar rahim dan kes anak yang hilang disebabkan oleh gempa bumi, banjir, ribut taufan, tsunami dan lain-lain (Tengku Fatimah Mulian Tengku Muda et al., 2014).

Sebilangan besar ulama beranggapan bahawa DNA setara dengan *al-qiyafah*, iaitu berdasarkan penilaian oleh pakar dalam bidang genetik. Namun begitu, jika terdapat percanggahan antara hasil *al-qiyafah* dengan ujian makmal, ujian makmal perlu diutamakan kerana didasarkan pada kajian saintifik yang lebih tepat dan dapat dipercayai berbanding dengan *al-qiyafah* yang bergantung pada anggapan visual semata-mata (Muhammad Nasir Muhammad, 2005).

Pelaksanaan keterangan melalui teknik *al-qiyafah* sukar diterapkan di mahkamah syariah kerana sebelum seseorang itu layak diiktiraf sebagai pakar, undang-undang perlu dengan jelasnya menyenaraikan syarat yang mesti dipenuhi sebelum keterangan ahli genetik dapat diterima. Dalam sistem perundangan sivil, seseorang itu diiktiraf sebagai pakar melalui dua cara, iaitu berdasarkan tahap kesarjanaan dalam akademik atau kepakaran dalam sesuatu bidang (Jal Zabdi Mohd Yusoff, 2004). Namun begitu, syarat ini tidak termaktub dalam mana-mana peruntukan di bawah Akta 561. Walaupun undang-undang keterangan Islam memberikan kuasa kepada mahkamah untuk menerima pendapat pakar sebagai keterangan, peruntukan tersebut tidak secara terperinci menetapkan syarat yang perlu dipenuhi bagi membolehkan seseorang itu dianggap sebagai pakar (Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor, 2021), terutamanya kerana bidang *al-qiyafah* kini kurang berkembang.

Perkara ini dibincangkan dalam kes *Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli Abdul Japar* (2007) 23(2) JH 237 yang melibatkan kes jenayah

persetubuhan haram yang mengakibatkan kelahiran anak luar nikah. Dalam kes ini, pendakwa syarie berjaya membuktikan kes ini melalui keterangan pakar dan pembuktian saintifik berdasarkan laporan DNA. Ujian DNA dilakukan oleh pakar daripada Jabatan Kimia Malaysia yang melibatkan Hasmawi Abdullah, iaitu anak luar nikah, ibu kandung Hasmawi dan yang didakwa. Hasil ujian tersebut menunjukkan kewujudan pertalian darah antara anak dengan yang didakwa. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Keningau Sabah menerima pembuktian saintifik ini berdasarkan Seksyen 86(1) Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Sabah) 1992 dan Seksyen 190(1) dan (2) Enakmen Prosedur Jenayah Syariah (Negeri Sabah) 1993. Tertuduh disabitkan bersalah atas kegagalannya menafikan pembuktian saintifik melalui analisis DNA tersebut dan dijatuhi hukuman denda RM3,000 atau hukuman penjara dalam tempoh enam bulan jika tidak berkemampuan.

Dalam kes ini, pembuktian menerusi keterangan pakar secara saintifik, seperti ujian DNA, merupakan kaedah yang berkesan bagi mengesahkan kesalahan persetubuhan haram yang dilakukan oleh orang yang didakwa. Bukti daripada keterangan pakar ini juga mensabitkan orang yang didakwa dengan kesalahan “persetubuhan haram”. Tambahan pula, bentuk *qarinah* seperti ini diakui dalam undang-undang keluarga Islam (Muhammad Hazim Ahmad et al., 2019).

Hak Anak Tak Sah Taraf

Tidak dinafikan anak tidak sah taraf mempunyai hak yang diperuntukan dalam undang-undang syariah dan undang-undang keluarga Islam, perbincangan seterusnya menjelaskan lebih terperinci hak anak tidak sah taraf di Malaysia.

Hak Menerima Nasab dan Nama

Menurut Mariatul Shima Che Embi dan Nur Syakiran Akmal Ismail (2017), penetapan nasab ialah aspek penting dalam ikatan kekeluargaan untuk memastikan hubungan kekeluargaan yang erat dan rapat. Dalam hukum fiqah menegaskan bahawa anak luar nikah tidak boleh dinasabkan kepada lelaki yang menyebabkan kelahirannya (bapa biologi) atau kepada mana-mana lelaki yang mengaku sebagai bapanya. Hal ini bermakna, anak tersebut hanya boleh dinasabkan kepada ibu yang melahirkannya. Dengan erti kata lain, anak luar nikah hanya boleh dikaitkan dengan keturunan ibunya, seterusnya menjadikan lelaki tersebut tidak mempunyai hak untuk

mewarisi, tidak boleh menjadi mahram dan tidak boleh bertindak sebagai wali anak luar nikah.

Dalam Majlis Fatwa Kebangsaan, dinyatakan bahawa anak tidak sah taraf tidak boleh dinasabkan kepada bapa biologinya, dan fatwa ini diterapkan di beberapa negeri di negara ini, termasuklah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor, Melaka, Sarawak, Negeri Sembilan, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang (Muhammad Adam Abdul Aziz et al., 2020). Keputusan ini diputuskan bagi menjaga kepentingan umum dengan tujuan utamanya adalah untuk menghalang perzinaan, yang dianggap lebih penting daripada mengelakkan rasa malu yang terpaksa dihadapi oleh anak tersebut.

Dalam kes *Jabatan Pendaftaran Negara & Ors lwn Seorang Kanak-Kanak & Ors; Majlis Agama Islam Negeri Johor (Pencelah)* [2020] 2 MLRA 487, hakim Mahkamah Persekutuan, dengan keputusan terbanyak, memutuskan bahawa anak tidak sah taraf tidak boleh dibinkan atau dibintikan dengan bapa kandungnya, tetapi boleh dibinkan atau dibintikan dengan satu daripada 99 nama Allah. Dalam kes ini, ibu dan bapa anak itu ialah orang Islam yang menetap di Johor dan terikat pada undang-undang syariah di negeri itu. Anak tidak sah taraf ini tidak boleh dinasabkan atau dibinkan kepada bapanya kerana bertentangan dengan hukum syarak dan undang-undang syariah Johor. Jabatan Pendaftaran Negara telah membinkan anak itu dengan nama “Abdullah”, sesuai dengan keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Namun begitu, Mahkamah Persekutuan mendapati bahawa fatwa tersebut tidak diwartakan di Johor, seterusnya menyebabkan mahkamah mengarahkan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengekalkan nama anak itu tanpa “bin Abdullah”.

Hak Penjagaan (Hadanah) dan Perwalian

Hak penjagaan anak tidak sah taraf diberikan sepenuhnya kepada ibu kandung dan hanya boleh dikongsi dengan keluarga terdekat sebelah ibu. Tanggungjawab nafkah anak tersebut juga sepenuhnya dipikul oleh ibu kandung, seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 80 dan Seksyen 85 Akta 303. Seorang ibu yang melahirkan anak tidak sah taraf tidak mempunyai hak untuk menuntut nafkah daripada bapa biologi anak tersebut di mana-mana mahkamah syariah. Bapa biologi tidak mempunyai hak untuk menjaga anak, dan hak perwalian juga diserahkan sepenuhnya kepada ibu. Sekiranya anak tidak sah taraf itu perempuan,

perwalian dalam pernikahannya akan dilakukan oleh wali hakim kerana anak tersebut tidak memiliki wali nasab lelaki. Hal ini berlandaskan hadis yang menyatakan bahawa pemerintah ialah wali bagi orang yang tidak mempunyai wali (Ibn Majah, t.t).

Contoh ini dapat dilihat dalam kes *Raisha Annuar* (Kes No: 05100-006-0447-2009) apabila pemohon, Raisha Annuar, ingin dinasabkan kepada bapanya, Annuar Hj. Zakaria. Namun begitu, permohonan pernikahannya dengan Mohd Yusoff Mohd Annuar di Pejabat Agama Daerah Port Dickson mencetuskan keraguan apabila disemak, tarikh kelahirannya pada 1 Oktober 1985 dan tarikh pernikahan ibu bapanya pada 5 April 1985. Mahkamah Tinggi Syariah Seremban mengesahkan bahawa Raisha dilahirkan kurang daripada enam bulan kamariah selepas pernikahan ibu bapanya. Oleh itu, Raisha dianggap sebagai anak tidak sah taraf dan tidak boleh dinasabkan kepada bapanya. pernikahannya haruslah menggunakan wali hakim.

Hak Menerima Nafkah

Secara dasarnya, bapa wajib memberikan nafkah kepada anak dan isterinya, seperti yang dinyatakan dalam surah al-Baqarah, ayat 233 (al-Quran, 2003). Namun begitu, bagi anak luar nikah, ibu bertanggungjawab sepenuhnya untuk memberikan anak nafkah kerana hubungan anak tersebut dengan bapanya terhalang. Menerusi ayat yang sama, ulama bersepakat bahawa ibu bertanggungjawab sepenuh untuk memberikan nafkah kepada anak luar nikah (al-Asfahani et al., 2011). Tanggungjawab ibu untuk menyediakan nafkah kepada anak luar nikah diperuntukkan dalam undang-undang kecuali anak tersebut ialah mangsa jenayah rogol.

Ulama juga menetapkan syarat tertentu bagi penyediaan nafkah kepada anak tidak sah taraf. Ibu berkewajiban untuk memberikan nafkah dalam keadaan apabila anak perempuannya belum berkahwin atau tidak mempunyai pekerjaan, anak itu tidak berkemampuan dan tidak mempunyai aset untuk menyara dirinya, anak tersebut mengalami kecacatan fizikal yang menghalang keupayaannya untuk berdikari, dan anak tersebut masih meneruskan pengajiannya. Tanggungjawab ini diberikan kepada ibu yang berkemampuan, dan jika ibu tidak mampu, kewajipan ini akan berpindah kepada waris (az-Zuhaili, 1984). Hal ini selari dengan ayat 233 Surah al-Baqarah yang menerangkan bahawa waris bertanggungjawab untuk memberikan nafkah tersebut jika bapa anak itu tiada (Abd. Ghani Ahmad et al., 2016).

Contoh kes yang berkaitan dengan tuntutan nafkah yang ditolak ialah kes *Ismail Ishak lwn Kalam Mamat* (JH, 1995, 10/1). Dalam kes ini, pemohon menafikan tanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada anak yang dilahirkan melebihi empat tahun selepas perceraian, iaitu pada 23 September 1989. Perceraian berlaku pada 28 September 1985, dan pemohon menafikan bahawa anak tersebut anaknya. Ibu anak tersebut mendakwa bahawa rujuk telah berlaku selepas perceraian, tetapi mahkamah menolak dakwaan tersebut kerana tiada bukti bahawa suami telah kembali kepada isteri. Hakim menyatakan bahawa anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada pemohon kerana tempoh kelahirannya melebihi empat tahun kamariah. Oleh itu, pemohon tidak bertanggungjawab untuk menanggung nafkah anak tersebut.

Hak Menerima Pusaka

Anak tidak sah taraf tidak terputus daripada ikatan kekeluargaan dengan ibunya, dan ibu itu tetap mempunyai hubungan kekeluargaan dengan anak tersebut. Oleh itu, anak dan ibu boleh saling mewarisi harta antara satu dengan lain (Mariatul Shima Che Embi & Nur Syakiran Akmal Ismail, 2017).

Pandangan ini merupakan asas bagi keputusan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan pada 25 Jun 1998 yang menyatakan bahawa anak tidak sah taraf masih mempunyai hubungan keturunan dengan ibunya dan boleh mewarisi pusaka antara satu dengan lain. Jika ibunya meninggal dunia, anak tersebut berhak untuk mewarisi harta ibunya bersama-sama ahli waris yang lain. Jika anak tersebut meninggal dunia terlebih dahulu, ibunya juga berhak untuk mewarisi pusaka anak tersebut (JAKIM, 2015). Namun begitu, anak tidak sah taraf tidak mempunyai hak warisan dengan bapa biologinya dan tidak termasuk dalam golongan yang berhak menerima harta pusaka bapanya, dan begitulah sebaliknya (JAKIM, 2015).

Kesimpulannya, anak tidak sah taraf tidak dianggap sebagai kaum kerabat atau nasab yang dekat dan hakiki (Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh & Mohamad Zakwan Nafis Mohamed Zamri, 2018). Oleh itu, anak tidak sah taraf tidak boleh mewarisi harta pusaka bapanya, tetapi berhak menerima harta pusaka ibunya. Bapa biologinya juga tidak berhak mewarisi harta anak tersebut kerana tiada ikatan pernikahan yang sah dari segi syarak antara ibu dengan bapanya.

Cadangan bagi Menjaga Kemaslahan Anak Tidak Sah Taraf

Trauma, sedih dan kecewa adalah antara tekanan perasaan yang dihadapi oleh anak tidak sah taraf. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cadangan yang dapat dilaksanakan untuk mengurangkan perasaan tersebut, seperti hibah, wasiat, harta amanah, perjanjian dan dibin/dibintikan menggunakan nama bapa.

Hibah

Menurut syarak, hibah merujuk akad yang melibatkan pemberian hak milik harta oleh seseorang dengan rela kepada pihak lain ketika hayatnya tanpa sebarang balasan (iwad). Hibah ialah pemberian milik sesuatu harta tanpa paksaan kepada individu lain melalui akad atau seumpamanya dengan tidak bertujuan untuk meraih pahala di akhirat atau sebagai tanda kemuliaan (Mohd Zamro Muda, 2008).

Penerima hibah boleh terdiri daripada individu yang layak memiliki harta, sama ada mukalaf atau bukan mukalaf. Jika penerima hibah bukan mukalaf, seperti kanak-kanak atau individu yang kurang upaya, hibah tersebut boleh diurus oleh wali atau pemegang amanah bagi pihaknya. Penerima hibah mesti berupaya untuk mengawal dan mengurus harta yang dihibahkan. Oleh sebab hibah boleh diserahkan kepada sesiapa sahaja, bapa biologi bagi anak luar nikah boleh menyerahkan sebahagian daripada hartanya kepada anaknya dengan cara sebegini (Mohd Zamro Muda, 2008). Pemindahan harta kepada anak tidak sah taraf dapat memastikan bahawa anak tersebut mempunyai sumber yang mencukupi untuk masa hadapan yang dapat digunakan untuk tujuan pendidikan, perubatan dan penjagaan. Pemberian ini dapat menyegerakan proses pembahagian harta pusaka yang tempohnya mungkin panjang.

Wasiat

Wasiat merujuk pemberian harta oleh pewasiat kepada penerima wasiat, sama ada berupa benda, hutang atau manfaat yang hanya boleh diterima selepas pewasiat meninggal dunia. Pewasiat boleh mewasiatkan hingga satu pertiga daripada hartanya. Wasiat yang melebihi satu pertiga hanya sah jika dipersetujui oleh semua ahli waris selepas kematian pewasiat. Dalam konteks ini, penerima wasiat tidak semestinya ahli waris pewasiat, oleh itu penerima wasiat, seperti anak tidak sah taraf, anak angkat, anak tiri atau mana-mana individu lain tanpa mengira agama boleh menerima pemberian harta tersebut (Wizārat al-awqāf wa-al-shu'ūn al-Islāmīyah, 1982).

Harta Amanah

Harta amanah merujuk suatu instrumen apabila pemegang amanah diamanahkan untuk menjaga harta bagi kepentingan penerima manfaat. Pada asalnya, harta amanah merujuk kontrak apabila seseorang itu meminta pemegang amanah untuk mengurus harta bagi manfaat orang lain tanpa balasan (Ahmad Hidayat Buang, 2006). Amanah diiktiraf oleh undang-undang sebagai instrumen pengurusan harta apabila pemegang amanah bertanggungjawab untuk memastikan hak penerima manfaat dijaga. Dalam hal ini, harta tersebut tidak boleh berpindah milik kepada pemegang amanah (Noor Lizza Mohamed Said et al., 2019).

Untuk memastikan harta amanah sah pada sisi undang-undang, beberapa elemen perlu dipenuhi, termasuklah pemberi amanah, pemegang amanah, penerima manfaat harta amanah, harta amanah itu sendiri, serta arahan yang terkandung dalam amanah (Salleh Buang, 2006). Semua elemen ini perlu dipenuhi agar kontrak amanah tersebut sah. Secara keseluruhannya, harta amanah merupakan pemberian harta yang dilakukan atas dasar kasih sayang melalui pelantikan pemegang amanah (Mohd Zamro Muda, 2023). Pemegang amanah mengurus harta berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam dokumen amanah. Oleh itu, ibu atau bapa biologi mempunyai pilihan untuk memberikan harta amanah kepada mana-mana individu, termasuklah anak tidak sah taraf.

Perjanjian

Sekiranya terdapat persetujuan bersama antara ibu yang melahirkan anak itu dengan bapa biologinya mengenai hak jagaan dan nafkah anak tidak sah taraf, perjanjian ini boleh diangkat dan disahkan oleh mahkamah syariah (Mohd Norizan Abd Ghani, 2024). Meskipun hak penjagaan penuh terhadap anak ini milik ibu yang melahirkan, tidak menjadi kesalahan jika bapa biologinya turut berperanan untuk membesarkan anak tersebut, sama ada dari segi perbelanjaan, pendidikan atau aspek lain atas prinsip kewajipan dan belas kasihan (Mohd Norizan Abd Ghani, 2024).

Dibin/binti Nama Bapa

Bagi menjaga perasaan dan hak anak tidak sah taraf, undang-undang di Perlis boleh dijadikan rujukan. Dalam Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis, diputuskan bahawa anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan selepas perkahwinan ibunya boleh dibinkan atau dibintikan kepada suami ibunya, melainkan jika suami ibunya menafikan anak tersebut

(Jawatankuasa Syariah Negeri Perlis, 2008). Hal ini terkandung dalam Seksyen 48(6) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006.

Menurut Mufti Perlis, Mohd Asri Zainul Abidin (2019), fatwa ini ditetapkan untuk memelihara kesejahteraan ibu bapa dan anak, serta melindungi perasaan anak daripada berasa aib dan terpinggir apabila tidak dinasabkan kepada bapanya akibat tempoh perkahwinan yang singkat. Fatwa ini juga membantu menutup keaiban pada masa lalu bagi pasangan yang telah bernikah dan menyesal, selain memberikan peluang kepada anak tidak sah taraf untuk membina kehidupan dan keluarga (Mohd Asri Zainul Abidin, 2019). Namun begitu, fatwa ini hanya terpakai apabila bapa yang hendak dinasabkan itu berkahwin dengan ibu kandung dan tidak menafikan anak tersebut. Jika hal sebaliknya berlaku, anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bapanya. Dalam hal ini, pengkaji mencadangkan supaya undang-undang Islam di negeri lain diseragamkan berdasarkan pandangan ini.

Bagi melindungi kepentingan anak yang dilahirkan di luar perkahwinan, Abdul Karim Zaidan (1994) bersetuju dengan Abu Hanifah bahawa anak yang dilahirkan disebabkan oleh perzinaan boleh dibin atau dibintikan kepada bapa biologinya jika ibu dan bapanya berkahwin sebelum anak itu dilahirkan. Namun begitu, dari segi hukum agama, ulama ini bersama-sama kebanyakan ulama lain tidak mengakui nasab anak tersebut. Hal ini bermakna bahawa anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan selepas ijab dan qabul boleh dibin atau dibintikan kepada lelaki yang berkahwin dengan ibu, dengan syarat bahawa lelaki tersebut tidak mengaku anak itu sebagai hasil perbuatan zinanya (Abdul Karim, 1994). Walaupun anak yang dilahirkan di luar perkahwinan boleh dibin atau dibintikan kepada bapa biologinya, kedudukan bapa tersebut dari segi hak penjagaan dan warisan tidak berubah.

Terdapat dua kes rujukan yang berkaitan dengan perkara ini, iaitu mengenai permohonan pendaftaran anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua lahzah selepas akad nikah. Kes pertama ialah *Faizal Rabion lwn Nurul Fazila Nawi* [2014] 1 *ShLR* 137 yang dibicarakan di Mahkamah Rendah Syariah Kemaman. Tuntutan dilakukan oleh bapa biologi untuk tujuan pentadbiran bagi proses pendaftaran persekolahan dan pendidikan. Dalam kes ini, hakim memutuskan bahawa plaintif boleh diakui sebagai bapa sah dari sudut perundangan. Namun begitu, sekiranya plaintif meninggal dunia, anak tersebut tidak berhak mewarisi harta pusakanya. Hakim juga menerima pendapat Abdul Karim Zaidan (1994)

yang membenarkan anak tersebut dibintikan kepada plaintif untuk tujuan pentadbiran dan pematuhan peraturan sedia ada.

Kes kedua ialah kes *Zafrin Zulhilmi Pauzi lwn Noor Aini Nasron* [2013] 2 *ShLR* 42, yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu. Hakim, iaitu Ismail Yahya, menyokong pandangan Abdul Karim Zaidan (1994) bahawa anak tersebut boleh dibintikan kepada plaintif berdasarkan undang-undang yang ada. Meskipun anak itu dilahirkan kurang daripada enam bulan, plaintif tidak mengaku anak itu sebagai hasil perbuatan zinya. Namun begitu, hakim memutuskan bahawa plaintif tidak boleh menjadi wali bagi anak tersebut dan tidak berhak untuk saling mewarisi harta.

Walaupun dokumen yang menunjukkan hubungan yang sah antara ibu dengan bapanya tiada, pendaftaran kelahiran bagi anak yang dilahirkan di luar perkahwinan tidak seharusnya ditolak begitu sahaja. Pandangan ini boleh dipertimbangkan untuk memudahkan proses pendaftaran kelahiran bagi anak luar nikah.

KESIMPULAN

Makalah ini membahaskan definisi anak tidak sah taraf, cara menentukan legitimasi, serta hak yang dimiliki oleh anak tidak sah taraf. Dari perspektif undang-undang syariah, anak tidak sah taraf tidak diakui sebagai mempunyai hubungan kekeluargaan yang sah dengan bapa biologinya, tetapi anak tidak sah taraf berhak untuk memperoleh hak yang diperuntukkan kepada anak sah taraf tanpa mengira latar sejarah ibu bapanya. Anak luar nikah mempunyai hak yang sama dengan anak sah taraf dalam hal penjagaan, perlindungan, dan nafkah, dengan beberapa syarat dan pengecualian tertentu. Namun begitu, pelaksanaan hak ini mungkin berbeza-beza. Contohnya, penjagaan dan nafkah bagi anak sah taraf merupakan tanggungjawab bapa, manakala bagi anak tidak sah taraf, tanggungjawab itu menjadi tanggungjawab ibu. Dalam hal ini, anak tidak sah taraf masih boleh berkahwin menggunakan wali hakim. Bapa biologi juga boleh menunaikan tanggungjawab ini melalui hibah, wasiat dan amanah harta. Melalui perjanjian yang sah, anak tersebut boleh dibin atau dibintikan dengan nama bapa. Oleh itu, penambahbaikan terhadap undang-undang yang berkaitan dengan isu anak tidak sah taraf perlu diberikan perhatian agar hak anak tidak sah taraf ini terjamin dan dilindungi.

PENGHARGAAN

Makalah ini merupakan sebahagian daripada projek penyelidikan menerusi Geran Projek Kerjasama Penyelidikan (*Matching Grant*) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dengan Kod Projek: (UniSZA/2024/PGP/03).

SUMBANGAN PENGARANG

Noor ‘Ashikin Hamid: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penulisan, analisis data, penyediaan makalah awal dan akhir, semakan, pengesahan makalah akhir dan penghantaran manuskrip akhir; Noraida Harun: Pengumpulan data, analisis data, penulisan dan semakan.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abd. Ghani Ahmad & Nuarrual Hilal Md. Dahlan. (2016). Kewajipan menanggung nafkah anak tak sah taraf: Satu kajian di negeri Kedah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 28(2), 214–244.
- Abdul Karim Zaidan. (1994). *Al-mufasssal fi ahkam al-mar 'ah wa al-bayt al-Muslim fi al-shariah al-Islamiyyah*, Jilid 9. Mu'assasah al-Risalah.
- Ahmad Hidayat Buang. (2006). Pembentukan dan pentadbiran harta amanah menurut perspektif undang-undang Islam. Dlm. Siti Mashitoh Mahmood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Ainur Nadhrah Roslan, Nik Sarah Adilah Abdul Aziz & Fathin Izzati Mohd Shahrudin. (2021). Discrimination against an illegitimate child according to law and society. *Current Legal Issues*, 3, 16–21.
- Al Bakri, Abi Bakar Utsman Muhammad Syatha al Dimiyati. (1998). *Hasyiah i'annah al-thalibin ala hall al-fazh fath al-mu'in*, Jilid 4. Dar al-Fikr.
- Al Quran. (2003). Percetakan Yayasan Islam Terengganu.
- Al-Asfahani, Abu Syuja' Ahmad Ibn al-Husain & al-Bugha, Mustafa Deeb. (2011). *Fiqh sunnah Imam Syafie: Pedomam dalam kehidupan (terjemahan at-tahzib fi adillati matn al-ghayah wa al-taqrib)*. Al-Hidayah Publication.

- Al-Bujayrimi, Sulayman 'Umar Muhammad. (1951). *Hasyiyah al-bujayrimi 'ala al-khatib*, Jilid 2. Maktabah Wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Alias Azhar & Abdul Ghafur Abdul Hadi. (2017). DNA sebagai qarinah di mahkamah syariah: Analisis terhadap enakmen keterangan mahkamah syariah Perlis. *International Journal of Law Government and Communication*, 2(6), 76–86.
- Azizah Mat Rashid, Noor Aziah Mohd Awal, Ahmad 'Azam Mohd Shariff, Nor 'Adha Abd Hamid & Tg. Noor Azira Tg. Zainudin. (2019). Menangani masalah kelahiran anak tak sah taraf di Malaysia: Peranan perundangan jenayah syariah dalam masyarakat. *Akademika: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan Asia Tenggara*, 89 (Isu khas, 2), 5–16. <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI2-02>
- Basri Ibrahim. (1997). *Pemantapan sistem kekeluargaan: Perkahwinan dan penceraian serta kesan-kesannya*. Darul Nu'man.
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Selangor) 1999 (No. 4/1999).
- Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Sembilan) 2004 (No.5/2004).
- Faizal Rabion lwn Nurul Fazila Nawi [2014] 1 *ShLR* 137.
- Fatimah Yusro Hashim, Anisah Che Ngah, Mohammad Azhan Yahya & Ahmad Azam Mohd Shariff. (2021). Penentuan nasab melalui prinsip undang-undang keterangan Islam. *Jurnal Undang-undang dan Masyarakat*, 28, 57–66. <https://doi.org/10.17576/juum-2021-28-06>
- Hamidah Muhammad, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Che Zuina Ismail, Nor Adila Mohd Noor, Salimah Yahaya & Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali. (2021). Pandangan masyarakat dan status perundangan terhadap anak tidak sah taraf. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*, 2, 5–12.
- Ibn Majah, Abu 'Abdullah Muhammad Yazid al-Qazwini. (t.t). *Sunan Ibn Majah*, Jilid 2. Dar al-Fikr.
- Imam Muslim al-Hajjaj al-Naysaburi. (t.t). *Sahih Muslim*. <https://sunnah.com/muslim>.
- Irwan Mohd Subri, Zulkifli Hassan & Lukman Abdul Mutalib. (2015). Keputusan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu tentang nasab anak tak sah taraf: Krisis perundangan? *Al-Qanatir International Journal of Islamic Studies*, 1(1), 1–8.
- Ismail Ishak lwn Kalam Mamat (JH, 1995, 10/1).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2015). *Kompilasi pandangan hukum muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam Malaysia*.
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2008). *Hukum menasab anak zina kepada bapa zina*. 16–17 September 2008. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/100-fatwa-wali-anak-yang-dituduh-tidak-sah-taraf-atau-hasil-rogol>

- Jabatan Pendaftaran Negara & Ors lwn Seorang Kanak-kanak & Ors; Majlis Agama Islam Negeri Johor (Pencelah)* [2020] 2 MLRA 487.
- Jal Zabdi Mohd Yusoff. (2004). *Pengenalan undang-undang keterangan di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Jamalluddin Hashim & Basri Ibrahim. (2015). Hak-hak anak tidak sah taraf. Dlm: *Isu-isu fiqh kontemporari*, 44–60. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Lukman Abdul Mutalib & Mohamad Azhan Yahya. (2016). *Isu penasaban anak luar nikah kepada bapa biologi dari sudut pandang siasah syar'iyah di Malaysia* [Kertas kerja yang diterbitkan]. Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference, 237–253.
- Mariatul Shima Che Embi & Nur Syakiran Akmal Ismail. (2017, 1–2 November). Anak tak sah taraf: Implikasi dan resolusi melalui dasar awam kajian kes di negeri Pulau Pinang. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2017 (INSAN 2017)*.
- Mat Saad Abd. Rahman. (2002). Anak yang tidak sah taraf, apa perlindungannya? *Undang-undang Keluarga Islam, Aturan Perkahwinan*. Hizbi Sdn. Bhd.
- Mohamad Shukri Mohamad. (Ed.) (2014). *Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan*. Penerbitan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu.
- Mohd Al-Adib Samuri, Noor Aziah Mohd Awal & Muhamad Abral Abu Bakar. (2022). Curbing child marriage amongst Muslims in Malaysia: Towards legal reform. *UUM Journal of Legal Studies*, 13(1), 1–20. <https://doi.org/10.32890/uumjls2022.13.1.1>.
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2019). Masalah anak kurang daripada enam bulan perkahwinan. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/minda-mufti/150-masalah-nasab-anak-kurang-daripada-enam-bulan-perkahwinan>.
- Mohd Faizol Zainal lwn Suhaila Yusoff* [2014] 2 ShLR 83.
- Mohd Norizan Abd Ghani. (2024). Pengarah Bahagian Sosial, Keluarga dan Komuniti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Temu bual pada Mei 2024.
- Mohd Sabree Nasri & Ruzman Md Noor. (2021). Pemakaian keterangan pendapat pakar sebagai kaedah pembuktian di mahkamah syariah: Isu dan cabaran. *Jurnal 'Ulwan*, 6(1, *Special Issue 1*), 172–190.
- Mohd Sabree Nasri, Mohamad Afandi Md Ismail, Mohd Al Adib Samuri & Abu Suffian Abu Yaziz. (2017). *Keterangan pakar sebagai cara pembuktian di mahkamah syariah* [Kertas kerja yang diterbitkan]. World Conference on Integration of Knowledge 2017. Bayview Beach Resort, Batu Ferringhi Beach, Pulau Pinang.
- Mohd Zamro Muda. (2008, 7 Ogos). Instrumen hibah dan wasiat: Analisis hukum dan aplikasi di Malaysia [Kertas kerja yang diterbitkan]. Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008. Masjid Wilayah Persekutuan.
- Mohd Zamro Muda, Nurnazirah Rosdi & Noor Lizza Mohamed Saidi. (2023). Analisa perundangan dan kes hibah amanah di Malaysia. *International*

- Journal of Islamic Thought*, 23(Jun), 79–90. <https://doi.org/10.24035/ijit.23.2023.258>.
- Muhammad Adam Abdul Aziz, Khadher Ahmed, Mohd Khairul Nazrin Mohd Nasir & Rahim Kamarul Zaman. (2020). Hadis al-walad li al-firāsh wa li al-āhir al-ḥajar dan pengaruhnya terhadap fatwa penasaban anak tak sah taraf di Malaysia: Al-walad li al-firāsh wa li al-āhir al-ḥajar hadith and its effect to the fatwa of illegitimate children's inheritance in Malaysia. *HADIS*, 10(19), 478–486. <https://doi.org/10.53840/hadis.v10i19.84>
- Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh & Mohamad Zakwan Nafis Mohamed Zamri. (2018). Status anak luar nikah: Satu kajian ke atas hak harta pusaka mengikut fiqh Islam dan undang-undang syarak Wilayah Persekutuan. *Isu-isu Semasa Islam dan Sains*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhammad Hazim Ahmad, Ruqayyah Razak, Nurul Syahirah Saharudin, Badhlhisham Mohd Nasir & Ahmad Syukran Baharuddin. (2019). Analisis awal terhadap isu-isu kebolehterimaan asid deoksiribonukleik DNA sebagai bahan bukti di mahkamah. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2, Isu khas), 165–181.
- Muhammad Ibn Ismail al-Bukhari. (t.t). Sahih al-Bukhari. <https://sunnah.com/bukhari>
- Muhammad Nasir Muhammad. (2005). *Al-ithbat bil khibrah*. Dar an-Nafais.
- Muhammad Zuhaili. (2011). *Al mu'tamad fi fiqhi al syafi'i*, Jilid 5. Dar Al Qalam.
- Noor Lizza Mohamed Said, Wan Amirul Adli Wan Ayub, Mohd Zamro Muda, Adnan Mohamed Yusoff & Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. (2019). Pengamanahan dalam perancangan dan Pengurusan harta orang Islam. *Islamiyyat*, 41(2), 71–79.
- Nor Zakry Haffiruddin Zakaria lwn Nur Intan Syuhada Shamsuddin (Kes Rayuan Mal No. : 11500-046-0012-2020).
- Nurul Hidayat Ab Rahman & Insyirah Mohamad Noh. (2023). Pendaftaran anak tidak sah taraf: Antara hak asasi dan cabaran perundangan Islam di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 35(2), 239–268. [https://doi.org/10.37052/kanun.35\(2\)no3](https://doi.org/10.37052/kanun.35(2)no3).
- Paizah Ismail. (2013). Anak tak sah taraf dari perspektif syariah dan perundangan Islam di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 10, 77–90.
- Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn Rosli Abdul Japar* (2007), 23(2) JH 237.
- Raisha Annuar* (Kes No: 05100-006-0447-2009).
- Robiatul Adawiyah Mohd, Norzulali Mohd Ghazali, Nurul Saadah Mohammad Zaini & Wan Nur Fasiah Wan Noh. (2022, 5–6 Oktober). Perbahasan ilmu genetik berdasarkan sumber al-Quran dan al-Sunnah: Suatu tinjauan awal. *E-Prosiding 8th International Prophetic Conference (SWAN)*, 437–445. <https://swanfpqs.usim.edu.my/index.php/conference/article/view/42>

- Sa'odah Ahmad & Rojanah Kahar.* (2017). *Anak tak sah taraf* menurut undang-undang keluarga Islam. *Jurnal UMRAN*, 2(1), 1–16.
- Salleh Buang. (2006). Pembentukan harta amanah mengikut undang-undang di Malaysia. Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (Ed.), *Harta amanah orang Islam di Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Tengku Fatimah Muliana Tengku Muda, Siti Khadijah Ismail & Najmiah Omar. (2014). Penggunaan DNA bagi penentuan nasab al-walad li al- firasy dalam peruntukan undang-undang keluarga Islam di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 5, 17–25.
- Wahbah Az-Zuhaili. (1984). *Al-fiqh al-Islami wa adillatuh*, Jilid 10. Dar al-Fikr.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Syahirah Abdul Shukor, Lukman Abdul Mutalib, Ahmad Syukran Baharuddin, Zulfaqar Mamat & Nik Salida Suhaila Nik Saleh. (2020). Faktor dan penyelesaian isu anak tidak sah taraf dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. *INSLA e-Proceedings*, 3(1), 136–146. <https://insla.usim.edu.my/index.php/e proceeding/article/view/27>
- Wan Azmi lwn Nik Salwani* [1990] 9 *JH*(2) 192.
- Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyah. (1982). *Al-mawsu'ah al-fiqhiyyah*. Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyah.
- Zafrin Zulhilmi Pauzi lwn Noor Aini Nasron* [2013] 2 *ShLR* 42
- Zurina Musa, Zuliza Mohd Kusrin, Muhammad Nazir Alias & Nurhidayah Muhammad Hashim. (2023). Penasaban dan pendaftaran kelahiran anak tidak sah taraf orang Islam di Malaysia dan negara Asia lain. *ISLĀMIYYĀT*, 45(2), 15–33. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2023-4502-02>